

**Penginterpretasian makna Korupsi dari Simpulan Bahasa dan Pendidikan Hak Asasi Manusia
Generasi Ketiga**

*Interpretation of Corruption from The Perspective of Language and
Third-Generation Human Rights Education*

Mohd Faizal Musa @ Faizal Tehrani
mfaizalmusa@ukm.edu.my

Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia

Maulana Al-Fin Che Man
maulanaalfinchewan@gmail.com

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun & Falsafah, Universiti Utara Malaysia

Published: 29 April 2024

To cite this article (APA): Musa, M. F., & Che Man, M. A.-F. (2024). Penginterpretasian makna Korupsi dari Simpulan Bahasa dan Pendidikan Hak Asasi Manusia Generasi Ketiga. *PENDETA*, 15(1), 12–26. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.1.fa.2.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.1.fa.2.2024>

ABSTRAK

Keupayaan akal yang terserlah dalam penciptaan simpulan bahasa oleh masyarakat Melayu dahulu harus dikagumi dan diteliti. Warisan Melayu yang terserlah dalam ungkapan simpulan bahasa merupakan harta yang patut dipelihara oleh generasi masa kini dan akan datang. Artikel ini meneliti 15 simpulan bahasa berunsurkan rasuah atau korupsi dengan menggunakan salah satu prinsip dalam semantik kognitif, iaitu Teori Kognitif yang didapati merupakan salah satu mekanisme memahami entiti abstrak melalui sesuatu yang konkrit. Tafsiran makna terhadap simpulan bahasa korupsi ini dapat memberi pemahaman tersirat kepada pembaca. Perbincangan tentang kesan terhadap korupsi ini dibahaskan melalui konsep hak asasi generasi ketiga secara mendalam dan simpulan bahasa merupakan medium asas dalam membanteras gejala korupsi di Malaysia kerana melalui bahasa kita dapat mengenal pasti gejala tersebut.

Kata Kunci: Simpulan bahasa; rasuah, hak asasi manusia; multidisiplin; Teori Kognitif

ABSTRACT

The ancient Malay community intellectuals who created idioms should be admired and scrutinized. The idiom expressions represent Malay heritage, a treasure that present and future generations should preserve. This article examines 15 corruption idioms utilizing cognitive theory, one of the cognitive semantics principles. Cognitive

theory is one of the mechanisms that seeks to understand abstract ideas from concrete experience. The interpretation of corruption idioms provides readers with an implicit understanding. The impact of corruption is discussed in depth through the concept of third-generation human rights, and idioms serve as a primary medium for rooting out corruption in Malaysia because this illegal behavior (corruption) can be identified through language.

Keywords: Idiom; corruption; human rights; multidiscipline; Cognitive Teori

PENDAHULUAN

Kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) dunia bagi tahun 2021 dapat dikira mencemaskan yang mana negara telah jatuh ke kedudukan 62 berbanding tangga ke 57 pada tahun 2020. Menurut Presiden Transparency International Malaysia (TI-M), Dr Muhammad Mohan, Malaysia mencatatkan skor 48 berbanding sebanyak 51 peratus pada tahun 2020. Penskoran ini dibuat dengan mengambil kira senarai jumlah 180 buah negara. Skor dicatatkan Malaysia ini menjadikan negara kita buat pertama kalinya sejak 2012, dikelompokkan dalam dua pertiga negara dengan skor di bawah 50 daripada 100. Sebagai bandingan, Indonesia, Vietnam, Laos dan Kemboja masing-masing meningkat dari skor mereka (Veena Babulala dan Faustina Hii, 2022).

Hal ini bukanlah sesuatu yang membanggakan dan memerlukan kepada pemerhatian, dan pencegahan menyeluruh supaya tidak bertambah memburuk. Tambahan pula gejala ini amat dikaitkan dengan orang Melayu:

“Dalam masyarakat Melayu ada peribahasa atau ungkapan yang membawa maksud rasuah seperti ‘duit kopi’, ‘tumbuk rusuk’, ‘belanja kopi’, ‘pembasah leher’, ‘pekaras’, ‘minyak pelincir’, ‘wang bawah meja’, ‘boleh runding’, ‘faham-faham saja’, ‘kantau’, ‘sunglau’ dan lain- lain lagi. Berdasarkan peribahasa dan terma tersebut jelas membuktikan bahawa rasuah memang wujud dalam perbendaharaan kata orang Melayu tetapi dirujuk dengan bahasa kiasan sahaja.”

(Biro Mencegah Rasuah Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam 2017: 10)

Dalam Sejarah Melayu, dinukilkan bagaimana amalan rasuah misalnya telah mendarah daging dalam kalangan masyarakat. Dalam satu insiden melibatkan pekerja-pekerja Temenggung Hassan misalnya, teks Melayu ini menunjukkan bagaimana masyarakat sudah terbiasa menerima sogokan daripada para saudagar untuk mendapat tapak perniagaan:

‘Maka segala orang muda-muda Tun Hasan Temenggong pun pergilah dengan pertanda merentang tali. Maka oleh segala orang muda-muda, pada tengah rumah saudagar yang kaya-kaya itu direntangnya tali, disurohnya robohkan. Maka segala saudagar itu menyorong, ada yang saratus, ada yang dua ratus, ada yang tiga puluh, empat puluh kepada saorang. Maka diambilnya oleh segala orang muda-muda Tun Hasan Temenggong, diperbahaginya ramai-ramai dengan segala pertanda, itulah makanannya, maka segala kedai yang anjor-menganjor itu juga disurohnya buang.’

(W.G Shellabear. 1967: 249-250)

Gambaran rasuah dalam perenggan di atas juga menjadi amalan para konglomerat di negeri Melaka. Sebagai misalan, dalam Sejarah Melayu juga, diperikan akan kekayaan Ali Manu Nayan yang menjadi tumpuan ramai bangsawan Melayu. Pembesar ini tanpa segan silu meminta-minta hadiah daripadanya:

'Maka ada saorang biaperi terlalu kaya di-dalam negeri Melaka, Ali Manu Nayan namanya. Apabila orang datang bermain ke rumahnya, maka diberinya kain atau emas atau barang benda yang gharib-gharib. Maka segala orang besar-besar pun semuanya datang ke rumahnya'

(W.G Shellabear, 1967: 249)

Selain itu, teks Melayu tradisional tersebut turut membawa kita kepada episod yang lebih menjolok mata, yang mana untuk memenangi perbicaraan dengan Raja Mendeliar, Nina Sura Dewana telah menyogok Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir:

'Telah hari malam, maka Nina Sura Dewana pun fikir pada hatinya, 'Ada pun bahawa Raja Mendeliar ini orang kaya; kalau ia menyorong pada Datok Bendahara nischaya alah aku. Jikalau demikian, baiklah aku pada malam ini pergi pada Bendahara. Telah demikian fikirnya, maka oleh Nina Sura Dewana diambilnya emas sabahara, dibawanya kepada Bendahara Seri Maharaja...Maka Nina Sura Dewana pun masuk menghadap bendahara. Maka bendahara pun keluar. Maka emas yang sepuluh kati itu pun dipersembahkan pada bendahara. Maka kata Nina Sura Dewana pada bendahara, "Tuanku, emas ini persembah saya akan pembeli-beli sireh pinang Tuanku". Maka kata bendahara, 'Baiklah, tuan hamba memberi hamba, hamba ambil.'

(W.G Shellabear. 1967: 192)

Dalam kejadian lain, untuk melarikan Tun Teja yang jelita, Hang Nadim telah merasuahkan seorang pelulut agar mudah melepasi pagar Istana Pahang:

'Maka oleh Hang Nadim si pelulut itu diberinya emas dan kain baju terlalu banyak. Telah ia memandang harta banyak itu maka tertawanlah hatinya oleh harta dunia. Maka si pelulut itu pun mengakulah menanggung rahsia Hang Nadim. Maka kata Hang Nadim, 'Jikalau dapat, hendaklah dengan barang daya upaya manda, Tun Teja itu bawa kapada aku supaya kupersembahkan kepada raja Melaka.'

(W.G Shellabear. 1967: 219)

Semua gambaran di atas memberi petunjuk kepada kita untuk merungkai keadaan korupsi yang gawat ini. Tulisan ini akan membincangkan pemaknaan simpulan bahasa yang dapat digunakan untuk tujuan pemupukan budaya bagi tujuan membanteras rasuah.

Simpulan bahasa adalah salah satu produk budaya yang boleh dijadikan alat pemupukan untuk memahami masyarakat terhadap rasuah, dan seterusnya mendorong sikap anti korupsi. Kajian Leila Shadabi dalam satu tulisan akademik beliau berjudul *'The Impact of Religion on Corruption'*, yang terbit pada tahun 2013 di *The Journal of Business Inquiry* menunjukkan satu rumusan yang

mengecewakan, dari 174 negara yang masyarakatnya tepu dengan pengamalan agama Islam dan Kristian, agama gagal menjadi faktor untuk meluruskan warga dan mencegah mereka dari melakukan rasuah atau korupsi. Sebaliknya kajian pada tahun 2010 itu menyatakan faktor lain seperti pemupukan budayalah yang lebih berjaya dalam mengehadkan kemelataran korupsi. Dalam konteks ini pemupukan budaya positif yang terbit dalam pengajian dan pembelajaran bahasa misalnya boleh diintegrasikan dengan kesedaran hak asasi manusia.

SIMPULAN BAHASA DAN FUNGSINYA

Keindahan gaya bahasa itu terletak pada cara pengaplikasian serta ujaran yang diungkapkan untuk mengekspresikan emosi secara tersirat (Nor Hafuza & Hasmidar Hassan, 2018). Masyarakat Melayu sering kali menggunakan bahasa yang puitis dan berlapis semasa berinteraksi sehingga tercetus atau terbina pelbagai peribahasa (Zaid Mohd Zin dan Wan Suhaila, 2017). Antaranya, bahasa kiasan seperti pantun, peribahasa, bidalan, perumpamaan, pepatah petitih dan juga simpulan bahasa. Dengan terhasilnya pelbagai jenis peribahasa ini, jelas menunjukkan bahawa masyarakat Melayu adalah sebuah masyarakat yang mempunyai keupayaan fikiran yang kreatif dan kritis. Penciptaan simpulan bahasa dapat menunjukkan bahawa pemikiran masyarakat Melayu terdahulu sangat hebat dan genius kerana terkandung pelbagai falsafah dan akal budi di dalamnya.

Sebenarnya dalam setiap bahasa di dunia wujudnya bahasa-bahasa kiasan seperti simpulan bahasa, peribahasa dan pepatah sedikit sebanyak dan tinggi rendah isinya mengikut kadar kemajuan bahasa tersebut yang kemajuan bangsa yang menggunakan bahasa itu (Zaba 1934, 2002: 117). Tanpa kita sedar dalam percakapan kita sehari-hari turut mengandungi kiasan-kiasan tertentu. Hal ini demikian kerana, fikiran manusia bersifat metaforik atau berfikir secara tersirat (Hassan Ahmad, 2017). Penggunaan bahasa berkias seperti simpulan bahasa ini sudah hampir 800 tahun dahulu telah wujud dalam masyarakat Melayu. Orang Melayu menggunakan simpulan bahasa untuk menyampaikan sesuatu hasrat atau nasihat secara tersirat. Hal ini demikian adalah untuk menjaga jaga kedua-dua belah pihak. Hal ini menggambarkan bahawa orang Melayu sangat menjaga pertuturan sesama insan.

Simpulan bahasa bersifat lebih pendek berbanding peribahasa, perumpamaan atau pantun sekalipun. Simpulan bahasa kebanyakannya mengandungi dua atau tiga patah perkataan sahaja. Oleh hal demikian, simpulan bahasa penuh dengan unsur metafora. Zaba (1934, 2002) mentakrifkan metafora adalah peribahasa yang menyebutkan sesuatu maksud dengan diumpamakan atau dikiaskan kepada sesuatu yang lain dan oleh kerana itu erti atau maknanya menjadi dua lapis (terisirat). Ertinya menjadi dua lapis di sini bermaksud lapis pertama ialah lapis luar, iaitu berkaitan dengan makna harfiah atau literal manakala lapis kedua merujuk kepada lapis dalaman yang mengandungi makna tersirat (Hassan Ahmad, 2003 & 2017). Namun, pada tahun 2014 Nor Hashimah Jalaluddin memperkenalkan pendekatan semantik inkuisitif yang menyatakan bahawa metafora yang terkandung dalam simpulan bahasa, peribahasa, pantun, dan sebagainya mempunyai lapisan tafsiran ketiga iaitu mengaitkan dengan falsafah dan unsur budaya. Namun, dalam perbincangan ini kami hanya menghuraikan tafsiran terhadap simpulan bahasa yang telah dipilih sekadar pada lapisan kedua sahaja. Huraian tafsiran makna dilakukan berdasarkan beberapa simpulan bahasa yang dipetik dari Melayu Islam Beraja Dalam Membanteras Rasuah. Antaranya adalah seperti yang berikut;

Jadual 1.0 Senarai Simpulan bahasa

Bil.	Simpulan Bahasa
1.	Duit teh
2.	Duit kopi
3.	Duit tepi
4.	Duit bawah meja
5.	Pembasah leher
6.	Makan suap
7.	Makan duit
8.	Wang sogok
9.	Kantau
10.	Tumbuk rusuk
11.	Belanja kopi
12.	pekaras
13.	Minyak pelincir
14.	Boleh runding
15.	Sunglau

Sumber: Melayu Islam beraja dalam membanteras rasuah (2017)

Jadual 1.0 merupakan simpulan bahasa yang terdiri dalam bahasa Melayu dan juga bahasa Melayu Brunei. Semua simpulan bahasa tersebut digunakan di Brunei dan membawa maksud “rasuah”. Penggunaan kiasan seperti ini membuktikan bahawa “rasuah” sememangnya wujud dalam perbendaharaan kata orang Melayu tetapi dirujuk dengan kiasan atau secara berselindung sahaja.

SOROTAN KAJIAN LEPAS


Kajian-kajian terhadap simpulan bahasa telah banyak dijalankan sebelum ini antaranya kajian oleh Muhammad Faez Nurazman Amrullah, Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad & Zamri Mahamod (2022), Siti Elmira Jonteng, Yazid Yahya, Siti Farida Salleh, Nurul Aida Abdullah, Mary Fatimah Subet (2021), Simah Mamat & Intan Marfarrina Omar (2021), Abang Patdeli Abang Muhi (2020), dan Anida Saruddin (2012). Masing-masing menyentuh tentang simpulan bahasa sebagai data kajian mereka. Kesemua hasil kajian lepas ini adalah berkaitan dengan pentafsiran makna kognitif terhadap simpulan bahasa yang dipilih. Kajian oleh Muhammad Faez Nurazman Amrullah, Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad & Zamri Mahamod turut mengabung pedagogi pengajaran dalam usaha mewujudkan modul pengajaran bagi simpulan bahasa di sekolah. Di samping itu semua pengkaji-pengkaji lepas ini mengguna kaedah kajian kualitatif dalam penyelidikan mereka. Pada pengamatan pengkaji, kajian-kajian lepas ini terfokus pada satu disiplin kajian, iaitu disiplin bahasa dan pendidikan semata-mata. Hal ini berbeza dengan kajian ini lebih menekankan kajian yang bersifat multidisiplin.

PERMASALAHAN KAJIAN

Berdasarkan sorotan kajian-kajian lepas didapati belum ada kajian yang menyentuh tentang simpulan bahasa yang mengaitkan isu rasuah dan digabungkan dengan disiplin hak asasi manusia genenrasi ke-3 dalam pengkajian bahasa. Kajian yang dijalankan ini lebih bersifat multidisiplin dengan mengabungkan dua disiplin utama iaitu bahasa dan undang-undang. Bagi tujuan mentafsir makna simpulan bahasa, pengkaji memilih Teori Kognitif untuk menunjukkan proses pemetaan konkrit ke abstrak. Kemudian kajian dibincangkan dalam konteks konsep hak asasi manusia generasi ketiga. Oleh hal yang demikian kajian ini perlu dibincangkan kerana isu rasuah di negara ini sangat membimbangkan dan boleh membawa kemerosotan kemajuan negara Malaysia sendiri.


TAFSIRAN SIMPULAN BAHASA

Tafsiran makna terhadap simpulan bahasa dan bahasa kiasan lain dalam bahasa Melayu adalah berlaku pada peringkat kognitif atau minda manusia. Menurut Asmah (1986) manusia membentuk persepsi berdasarkan apa yang berada di sekelilingnya. Dari persepsi akan munculnya konseptualisasi yang membolehkan manusia menggunakan lambang bahasa untuk merakam fikiran dan pengalamannya. Hal yang dinyatakan oleh Asmah ini sebenarnya berlaku dengan cepat dalam minda manusia sehinggalah terhasilnya ujaran seperti simpulan bahasa. Melalui konsep kognitif tersebut, terdapat satu formula pemetaan yang disebut oleh Hassan Ahmad (2003) bagi mendapatkan makna yang dicari. Bagi mendapatkan makna yang bersifat abstrak itu, kita perlulah mencari domain sumber terlebih dahulu (Nor Hashimah Jalaluddin 2020). Dengan berasaskan maklumat domain sumber (konkrit) maka makna dalam domain sasaran (abstrak) dapat difahami. Oleh hal demikian analogi terhadap domain sumber dapat dibuat. Oleh itu, domain sasaran yang dilabelkan sebagai A pastinya akan bergantung kepada domain sumber yang dilabelkan B (Nor Hashimah Jalaluddin, 2020). Rajah berikut merupakan penjelasan tentang proses pemetaan pada peringkat kognitif atau minda ini.



Rajah 1.0. Pemetaan Domain
Sumber: Nor Hashimah Jalaluddin (2020)

Terdapat satu formula mudah untuk memahami metafora yang konkrit, iaitu A adalah B bukan sebaliknya (Hassan Ahmad, 2013). A mewakili domain abstrak dan B mewakili domain konkrit. Namun, hubungan sehalu (*inidirectional*) ini harus melalui satu proses yang dinamakan ruang mental (*mental space*) (Nor Hashimah 2020). Di sinilah maklumat bukan linguistik diperkayakan bagi memastikan tafsiran kepada bentuk abstrak itu mudah difahami. Dalam ruang mental, pembaca atau pendengar boleh memasukkan elemen bukan linguistik untuk membantu mendapatkan makna yang konkrit. Oleh itu, Nor Hashimah berpendapat bahawa ruang mental ini boleh diperincikan dengan memasukkan falsafah dan budaya untuk mengukuhkan lagi pentafsiran makna yang dihasilkan. Bagi memudahkan cara pemetaan domain, rajah di bawah boleh dimanfaatkan.



Rajah 1.1. Proses yang berlaku di minda bagi mendapatkan makna metafora

Sumber: Nor Hashimah Jalaluddin (2020)

Rajah di 1.1 memaparkan proses yang berlaku dalam minda atau kognitif manusia apabila memproses makna bagi sesuatu simpulan bahasa. Perubahan pemetaan makna daripada konkrit kepada abstrak melibat ruang mental yang perlu diisi dengan maklumat konteks, kesan kognitif atau pengalaman jasariah. Simpulan bahasa seperti ‘duit teh’, ‘duit kopi’, ‘duit tepi’, ‘duit bawah meja’, ‘wang suap’ dan ‘wang sogok’ mempunyai dua hingga tiga komponen leksikal di dalamnya. Secara harfiah duit atau wang bermaksud alat pertukaran yang mempunyai harga atau nilai tertentu dan diakui sah (Kamus Dewan Perdana, 2020). Secara amnya difahami sejagat bahawa duit atau wang ini merupakan salah satu alat yang sangat penting dalam urusan harian dan merupakan lambang penting dalam kelangsungan kehidupan manusia terdahulu dan kini.

Namun, masyarakat Melayu telah memanfaatkan kognitif mereka untuk menyatakan hasrat, tujuan, serta pemikiran yang dapat dilihat dalam simpulan bahasa (Anida Sarudin, 2012). Mereka menjadikan leksikal ‘duit’ atau ‘wang’ sebagai metafora dalam simpulan bahasa yang mereka cipta. Dari segi kognitifnya berlaku perubahan makna kepada sifat manusia yang ‘tamak’ dan ‘rakus’ dalam mengejar kesenangan dan kekayaan dalam hidup mereka. Makna ini terhasil berdasarkan pengetahuan ensiklopedia, pengalaman, dan pemahaman manusia terhadap konteks yang terdapat pada simpulan bahasa tersebut. Sebagai contoh ‘duit kopi’ yang sering digunakan untuk menggambarkan perbuatan rasuah, secara harfiah atau literalnya merujuk kepada duit untuk membeli air kopi di kedai sebagai minuman. Namun, jika kita merujuk kepada konteks pemberian duit tersebut ‘duit kopi’ mengandungi makna tersirat iaitu ‘rasuah’. Rasuah akan berlaku sekiranya pemberian upah tersebut memiliki hasrat dan muslihat di sebaliknya. Menurut portal rasmi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (2022)

rasuah merupakan penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah, diskaun.

Muncul persoalan mengapa masyarakat Melayu terdahulu mencipta simpulan bahasa-simpulan bahasa sebegini? Hal ini demikian kerana pengamal-pengamal rasuah tidak melakukan aktiviti rasuah secara terbuka. Aktiviti rasuah merupakan salah satu kesalahan yang turut dilarang dalam agama islam seperti firman Allah S.W.T dalam surah Al- Baqarah ayat 188;

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

صدق الله العظيم

Maksudnya: “Dan janganlah kamu makan harta orang lain antara kamu dengan jalan yang batil, dan janganlah kamu menghulurkan harta kamu memberi rasuah kepada hakim-hakim supaya kamu dapat mengambil sebahagian daripada harta orang dengan cara berbuat dosa padahal kamu mengetahui salahnya”.

Oleh itu, simpulan bahasa yang merujuk kepada rasuah ini mengandungi makna tersirat terhadap sikap dan sifat manusia yang tamak, pentingkan diri sendiri dan juga berfikiran singkat kerana melanggar perintah-perintah Allah S.W.T dan juga undang-undang sesebuah kerajaan. Di samping itu, perbuatan negatif seperti ini turut bersifat tidak mempedulikan hak orang lain yang teraniaya dalam masalah tersebut. Kini, penggunaan simpulan bahasa bagi merujuk kepada aktiviti rasuah telah berubah mengikut peredaran masa. Hal ini demikian kerana, pemberi dan penerima rasuah telah menukar ujaran simpulan bahasa kepada istilah-istilah baharu yang lebih baik dan tampak tidak salah. Antaranya seperti penggunaan istilah ‘duit topap’, ‘wang ihsan’, ‘sumbangan’ dan juga ‘derma’ namun memiliki tujuan-tujuan pemberian tertentu.

Gejala rasuah sering menjolok mata khususnya sewaktu musim kempen Pilihan Raya. Ketika pelancaran buku “Pilihan Raya Demokrasi Malaysia”, terbitan Penerbit Universiti Malaya pada 21 Mac 2022, salah seorang pengarangnya yang juga bekas Pengerusi Suruhan Jaya Pilihan Raya Malaysia yang pernah mengendalikan enam daripada 14 Pilihan Raya Umum dan Pilihan Raya Negeri, Tan Sri Ab. Rashid Ab Rahman memperihalkan akan masalah korupsi ini di hadapan Sultan Perak Sultan Nazrin Muizzuddin Shah selaku tetamu diraja. Dalam ucapannya, Rashid menjelaskan ketika Pilihan Raya Negeri Johor 2022 penjamuan berupa barang dapur (beras, gula dan aneka macam) berleluasa. Pemberian ini semua disamarkan dengan nama ‘sumbangan’ dan ‘wang ihsan’. Manakala dalam satu pertemuan dengan G. Manimaran, pengarang bersama buku “Pilihan Raya Demokrasi Malaysia” pada 30 Mac 2022, beliau menyatakan rasuah ketika pilihan raya juga dilakukan atas nama ‘duit topap’ apabila pengundi disogok dalam bentuk penambahan kredit telefon bimbit mereka.

Pemberian hadiah dan ‘duit topap’ ini menyalahi undang-undang Pilihan Raya yang digariskan oleh Suruhan Jaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Sebagai contoh, di dalam Seksyen 8 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 mengenai penjamuan; seseorang calon boleh dianggap melakukan rasuah dengan menawarkan barangan dapur termasuklah makanan kering, atau minuman kepada bakal pengundi kerana tindakan tersebut menunjukkan penghargaan supaya pengundi mengundi mereka. Petikan Seksyen 8 adalah seperti yang berikut:

'...dan tiap-tiap orang yang secara rasuah... memberikan atau mengadakan atau membelanjakan apa-apa makanan, minuman, atau makanan atau minuman ringan atau bekalan itu atau mana-mana wang atau tiket itu atau yang menggunakan apa-apa cara atau tipu daya lain bagi maksud untuk mempengaruhi...supaya memberikan atau tidak memberikan undinya dalam pilihan raya itu....untuk membolehkan makanan, minuman, makanan atau minuman ringan atau bekalan itu didapatkan bersalah atas kesalahan menjamu.'

Selain itu, Seksyen 10 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 perihal penyogokan pula menyatakan yang penyogokan berlaku *'sekiranya calon atau individu menawarkan 'pembelian undi' sama ada secara langsung atau tidak langsung seperti memberikan atau menawarkan wang, hadiah, pekerjaan, atau pinjaman ketika proses pilihan raya'* (Akhbar Satar, 2021).

Penjamuan dan sogokan berupa pemberian 'duit topap' ini tidak syak lagi merupakan satu bentuk hadiah yang dapat dimaksudkan sebagai suapan menurut Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (SPRM, 2017: 2-3).

Terma-terma baru ini menunjukkan perkembangan maksud dan fungsi pemberian 'duit teh', 'duit kopi', 'duit tepi', 'duit bawah meja', 'wang suap' dan 'wang sogok' yang kini dilembutkan atau diberi nilai positif seperti 'wang ihsan', 'sumbangan' mahupun 'duit topap'.

Pemberian rasuah yang dipakejkan sebagai berbau hadiah ini menunjukkan betapa gejala rasuah sangat mudah disamarkan. Di dalam satu kertas yang dibentangkan oleh Mohd Nordin Ahmad (1995: 77), bekas Timbalan Ketua Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan judul 'Masyarakat Melayu: Budaya Rasuah dan Penyelesaiannya' pada 17 Januari 1995 untuk satu seminar bertajuk 'Masyarakat Melayu dan Gejala Sosial: Proses Penyelesaian Ke Arah Pembinaan Masyarakat Melayu Cemerlang Abad Ke-21', beliau menyatakan;

'...ekoran budaya memberi hadiah yang telah ditafsirkan sebagai satu cara menyatakan terima kasih pada masa dahulu', pentadbiran British mengambil tindakan segera pada tahun 1871 dengan mengkanunkan pemberian hadiah sebagai satu kesalahan undang-undang menerusi Kanun Keseksaan 1871 (F.M.S. Penal Code). Nordin seterusnya menjelaskan dalam 'Masyarakat Melayu: Budaya Rasuah dan Penyelesaiannya' yang jenayah rasuah jauh lebih berisiko berbanding musuh nyata seperti ancaman Komunis:

'Rakyat Malaysia perlu ingat bahawa ancaman rasuah haruslah dipandang serius sama seperti ancaman Komunis, pertelingkahan kaum dan penagihan dadah.'

Atas sebab yang menyengat di atas terdapat keperluan segera untuk memupuk dan memahami masyarakat, dalam hal ini kalangan orang muda untuk memahami perubahan tradisi ke arah kemodenan tidak sederhana. Dalam hal ini perubahan simpulan bahasa lama 'duit teh', 'duit kopi', 'duit tepi', 'duit bawah meja', 'wang suap' dan 'wang sogok' yang kini menjadi 'wang ihsan', 'sumbangan' mahupun 'duit topap' harus ikut ditangani dan diberi perhatian teliti.

RASUAH SEBAGAI GENERASI KETIGA HAK ASASI MANUSIA

Terdapat satu pertanyaan apakah yang menyebabkan sesetengah negara misalnya saban tahun menjuarai indeks anti rasuah Transparency International? Salah satu sebab-musabab yang menjadikan negara-negara ini diberi markah baik dalam isu menangani rasuah ialah kerana mereka menghubungkan rasuah dengan pencabulan hak asasi manusia.

Antara negara yang sering mendapat skor baik dalam indeks anti rasuah *Transparency International* ialah negara-negara Scandinavia dan New Zealand. Satu persamaan yang dapat dilihat pada negara-negara ini ialah mereka juga memberi perhatian besar terhadap isu-isu hak asasi manusia (Scandinavian-Polish Chamber of Commerce, 2016). Menurut bekas Pesuruhjaya Hak Asasi Manusia United Nations, Navi Pillay (2013), korupsi atau rasuah adalah halangan terbesar pelaksanaan hak asasi manusia yang merentasi aspek sivil, politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan, termasuklah pembangunan. Hal ini demikian kerana rasuah mencabuli prinsip paling asas dalam hak asasi manusia iaitu ketelusan, kebertanggungjawaban, integriti, anti diskriminasi dan akses untuk terlibat dalam setiap aspek kemasyarakatan. Prinsip-prinsip yang disebutkan di atas memainkan peranan besar dan paling berkesan untuk menentang rasuah dalam sesebuah negara.

Hak asasi manusia adalah hak yang wujud dalam diri manusia tanpa mengira kaum, jantina, kenegaraan, bahasa, kepercayaan agama atau apa juga status. Terdapat banyak kovenan antarabangsa yang memelihara dan melindungi hak asasi manusia seperti *International Convention on Civil and Political Rights* (ICCPR), *International Convention on Economic, Social and Cultural Rights* (ICESCR), *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women* (CEDAW), dan *Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination* (CERD). Semua kovenan ini menyediakan cegahan dan kekangan berkesan kepada segala bibit gejala rasuah baik secara langsung mahupun tidak langsung.

Bagaimana misalnya pencabulan hak asasi manusia itu berkait dengan rasuah?

Kita hendaklah membayangkan bagaimana sekiranya korupsi meresapi sistem kehakiman sesebuah negara. Rasuah sebagai contoh boleh merubah penegakan keadilan, di mana para hakim atau pendakwaraya disogok. Dalam contoh lain, rasuah di sesebuah sempadan negara boleh mengehadkan pergerakan seseorang migran yang memiliki semua dokumen sah, tetap dinafikan hak untuk bergerak bebas; melainkan merasuah. Nyawa sebagai manusia juga barangkali terancam apabila ada pengawal sempadan yang boleh disuap sehingga memberi kelonggaran kepada serangan teroris. Terdapat juga mangsa dihambakan sehingga mengakibatkan penyeludupan manusia, dan hal ini berlaku kerana penyeludupan manusia ini tidak ditangani kerana ada dalam kalangan penguatkuasa yang menerima rasuah. Hak untuk menerima pendidikan juga mungkin dinafikan apabila terdapat rasuah dalam kalangan sistem Pendidikan, iaitu sesetengah kaum akan tertinggal khusus melibatkan pendidikan orang natif. Hak manusia untuk mendapat kerajaan yang adil juga runtuh setelah ada rasuah berupa pembelian pengundi. Pendek kata anti rasuah adalah objektif dan realisasi hak asasi manusia yang utama.

Justeru, governan yang baik melibatkan hak untuk mendapat maklumat, hak untuk meluahkan perasaan dan pendapat, hak untuk berparti (menubuhkan parti politik baharu misalnya), dan kebebasan perundangan; semua ini adalah persekitaran yang membantu kepada pembasmian pencabulan hak asasi manusia. Di negara-negara yang menjuarai indeks anti rasuah ini, mereka memastikan setiap langkah

pembasmian rasuah kelihatan dan dipraktikkan di peringkat komitmen, usaha, dan hasil atau kpi. Malah pendidikan hak asasi manusia ini sangat ditekankan dalam gagasan hak asasi manusia moden seperti terlihat pada Artikel 26 (2):

‘Education shall be directed to [...] the strengthening of respect for human rights and fundamental freedoms. It shall promote understanding, tolerance and friendship among all nations, racial or religious groups.’

(Hadi Strømme Lile. 2019: 143).

Sebagai contoh di Denmark, dasar pendidikan negara ini begitu menekankan hak asasi manusia di dalam silibus pelajaran sekolah:

‘Danish Education Act states that the school must prepare the pupils for participation, co-responsibility, rights, and duties in a society with freedom and rule by the people.’

(Idunn Seland et al, 2021: 49).

Penekanan hak asasi manusia ini membawa kepada nilai integriti yang tinggi, dan secara tidak langsung rasa sensitif warga terhadap sebarang korupsi dalam masyarakat. Pembasmian rasuah negara-negara yang hampir sifar korupsi ini malah diukur menerusi indikator hak asasi manusia. Ini juga membolehkan aspek pemantauan gejala rasuah. Sebagai contoh untuk memastikan majlis perbandaran tertentu bebas rasuah, pemantauan boleh melihat bagaimana kesetaraan dilaksanakan dalam hukuman denda terhadap pengubahsuaian rumah atau kediaman di taman perumahan. Jika di satu-satu kejiranan, orang kaya yang menyuap terlepas dari denda kerana melakukan pengubahsuaian rumah besar-besaran, berbanding orang biasa yang tiada kabel, ini bermakna berlaku ketidakadilan. Di dalam hak asasi manusia prinsip paling dominan ialah kesetaraan. Tanpa kesetaraan dalam undang-undang atau hukum di atas, jelaslah terdapat juga pencabulan hak asasi manusia berlaku.

Pendidikan masyarakat sangat penting, iaitu pemupukan nilai anti rasuah perlu berjalan seiring dengan kesedaran hak asasi manusia. Dalam masa sama, jika masyarakat kita patuh hak asasi manusia, kita akan lebih selamat dan bebas rasuah seperti yang telah dijelaskan di atas. Dalam hal ini bekas Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Kofi Annan (2004) dalam *‘United Nations Convention Against Corruption (UNCAC)’* menegaskan aspek yang telah dijejerkkan sebelumnya. Menurut beliau, korupsi boleh membuka ruang kepada penindasan oleh pihak yang lebih berkuasa terhadap yang lemah:

‘Corruption is an insidious plague that has a wide range of corrosive effects on societies. It undermines democracy and the rule of law, leads to violations of human rights, distorts markets, erodes the quality of life and allows organized crime, terrorism and other threats to human security to flourish. This evil phenomenon is found in all countries—big and small, rich and poor—but it is in the developing world that its effects are most destructive.’

Atas kesedaran ini, pengkaji dan sarjana bidang hak asasi manusia cenderung meletakkan pembanteras korupsi dan rasuah sebagai salah satu dari aspek hak asasi manusia. Dalam erti kata lain adalah menjadi hak buat kita sebagai manusia untuk beroleh persekitaran politik dan sosial yang bebas dan bersih dari rasuah. Ini bermakna pihak kerajaan dan penggubal undang-undang bertanggungjawab menyediakan negara yang bebas dari rasuah dan korupsi. Dalam hal ini, Matthew Murray dan Andrew Spalding (2015: 5) menyatakan bebas dari korupsi adalah satu hak manusia secara sejagat, dan mesti disediakan oleh pemerintah sebagai bahagian dari hak asasi manusia generasi ketiga:

‘...acknowledging a universal human right to be free from corruption effectively counters the most oft-heard objection to international anti-corruption initiatives: that corruption is cultural. A human right by definition is “a universal moral right, something which all [persons], everywhere, at all times ought to have, something of which no one may be deprived without a grave affront to justice, something which is owing to every human being simply because [s]he is human.”. Rights exist irrespective of whether any particular government, set of contemporary cultural practices, or even prevailing public opinion acknowledges them.’

Apa yang dimaksudkan dengan generasi ketiga hak asasi manusia ialah kategori hak asasi manusia yang masih baharu dan sedang berkembang, selain melibatkan trans-nasional (Mohd Faizal Musa, 2015). Kedua-dua pengkaji dalam bidang undang-undang ini seterusnya merujuk kepada gagasan Confucius dan hukum Islam yang menurut mereka harus dijadikan pedoman untuk membanteras rasuah:

‘Traditional Islamic thought, much like Confucian thought, recognizes corruption as a violation of the most fundamental principles of civil society and good governance’ (Matthew Murray dan Andrew Spalding, 2015: 11).

Ini bermakna dakwaan hak asasi manusia mengkesampingkan falsafah ketimuran dan agama Islam tidaklah sepenuhnya tepat, malahan dalam banyak keadaan menjadi komponen kepada gagasan hak asasi manusia moden. Aspek hak asasi manusia sebagai contoh terdapat di dalam peribahasa Melayu dan boleh diterokai untuk pembelajaran (Mohd Faizal Musa, 2016). Adalah penting Malaysia menurut jejak langkah negara-negara yang menjuarai indeks anti rasuah *Transparency International* dalam hal kesedaran mengenai hak asasi manusia. Untuk itu silibus anti rasuah dan korupsi sebagai contoh perlu diintegrasikan dalam pengajian dan pembelajaran di sekolah sehingga menjadi satu budaya sihat. Salah satu pendekatan lembut untuk melakukannya ialah dengan menerap aspek anti rasuah ini dalam pelbagai mata pelajaran di sekolah, termasuklah dalam subjek bahasa Melayu.

PERBINCANGAN KRITIS

Pemahaman terhadap falsafah dan akal budi simpulan bahasa kepada masyarakat perlu dimulai dari peringkat akar umbi seperti di sekolah rendah lagi. Pembelajaran terhadap kiasan Melayu seperti pantun, peribahasa, perumpamaan, pepatah, gurindam dan juga simpulan bahasa perlu difahami dengan mendalam supaya kelak tidak terkeliru dengan penggunaan istilah yang disalahgunakan oleh golongan tertentu. Dalam hal ini kami berhasrat menghuraikan simpulan bahasa yang berkaitan dengan rasuah secara terperinci dan bagaimana budaya lebih berkesan dalam mencegah rasuah. Ini akan membantu

mencegah sebarang perubahan terma dan makna berkaitan rasuah secara penyamaran dengan memberinya nilai positif. Ini untuk mengelakkan penyamaran seperti ‘duit teh’, ‘duit kopi’, ‘duit tepi’, ‘duit bawah meja’, ‘wang suap’ dan ‘wang sogok’ yang membawa konotasi negatif kepada terma atau simpulan bahasa kontemporari seperti ‘wang ihsan’, ‘sumbangan bakti’ dan ‘duit topap’ yang membawa beban negatif.

Pengajaran dan pembelajaran bahasa secara menyeluruh akan membolehkan generasi baharu mengenalpasti perubahan makna dan terma samaran ini. Dalam hal ini penekanan dalam pengajian bahasa Melayu misalnya harus tidak sahaja memberi tumpuan kepada aspek tatabahasa dan nahu. Sebaliknya, pengajian bahasa harus ikut melihat dan menyentuh proses yang berlaku dalam minda atau kognitif manusia yang mana dalam hal ini adalah memproses makna bagi sesuatu simpulan bahasa. Pelajar dalam kalangan generasi muda misalnya mesti dilatih untuk memastikan perubahan pemetaan makna daripada konkrit kepada abstrak yang melibatkan ruang mental yang perlu diisi dengan maklumat konteks, kesan kognitif atau pengalaman jasariah. Pelajar juga perlu diberi maklumat tambahan dan sampingan seperti mana yang diketengahkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah agar simpulan bahasa seperti ‘duit teh’, ‘duit kopi’, ‘duit tepi’, ‘duit bawah meja’, ‘wang suap’ dan ‘wang sogok’ yang mempunyai dua hingga tiga komponen leksikal di dalamnya segera difahami. Pemahaman makna simpulan bahasa ini akan membolehkan mereka menepis sogokan atau penjamuan dalam bentuk lain meskipun diberi nilai negatif secara samaran, seperti dalam hal pemberian ‘wang ihsan’ dan ‘duit topap’ khusus ketika kempen pilihan raya. Pengertian dan penafsiran makna yang melibatkan sifat manusia yang ‘tamak’ dan ‘rakus’ dalam mengejar kesenangan dan kekayaan dalam hidup mesti dipacu secara segar agar mengikut konteks zaman. Dalam erti kata lain pengajaran bahasa mestilah ikut memainkan peranan dengan mengambil kira pengetahuan undang-undang, realiti, dan tafsiran manusia terhadap konteks yang terdapat pada simpulan bahasa tersebut, baik simpulan bahasa lama mahupun yang baharu. Integrasi pengajaran bahasa dengan hak asasi manusia yang canggih boleh memberi kesedaran kepada sebarang pemalsuan makna seperti yang berlaku dalam istilah atau simpulan bahasa berkait korupsi dan rasuah.

RUMUSAN

Penciptaan simpulan bahasa sebagai kiasan Melayu bukanlah dicipta sewenang-wenangnya. Namun terkandung segala kebijaksanaan dalam maksud yang mendalam. Nasihat dan peringatan disampaikan secara halus melalui kiasan seperti simpulan bahasa dan lain-lain lagi. Orang Melayu merupakan masyarakat yang memiliki nilai sopan santun dalam menegur supaya tiada pihak yang terasa akan teguran yang diberikan. Namun masalah yang utama adalah pemahaman sebenar masyarakat terhadap simpulan bahasa dan kiasan Melayu yang lain. Pengajaran simpulan bahasa yang menyeluruh boleh merungkai pelbagai makna termasuklah dalam simpulan bahasa berkaitan korupsi dan rasuah. Hal ini sangat penting untuk diteliti sebagai satu saranan dalam memahamkan generasi muda akan bahaya dan risiko korupsi yang boleh membawa kehancuran kepada negara. Dalam hal ini terma rasuah dan korupsi secara tradisinya telah diberi pemalsuan dan penyamaran baru dengan terma yang lebih kontemporari. Akan tetapi harus diingatkan makna pada terma atau simpulan bahasa ini tidak sama sekali berubah, iaitu korupsi dan rasuah tetaplah merupakan satu perbuatan orang tamak, mementingkan diri dan dalam konteks hak asasi manusia merupakan satu pencabulan kepada kesejahteraan seluruh masyarakat dan negara.

RUJUKAN

- Al- Quran. Surah Al-Baqarah. Juz 2: 188.
- Akhbar Satar. 202, November 19. Parti Politik dan Bakal Calon Pilihan Raya. Kolumnis SPRM: Portal Rasmi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=103&contentid=2181&ca=BKH
- Anida Sarudin. 2012. Aspek kognitif dalam pembentukan simpulan bahasa kata makan. *PENDETA- Jurnal Bahasa dan Sastera Melayu Vol. 3*, 97-115.
- Asmah Hj. Omar. 1986. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Biro Mencegah Rasuah Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam. 2017. *Melayu Islam Beraja Dalam Membanteras Rasuah*. Unversiti Brunei Darussalam. Bandar Sri Begawan.
- Hadi Strømme Lile. 2019. 'The realisation of human rights education in Norway'. *Nordic Journal of Human Rights* 37 (2), 143-161.
- Hassan Ahmad. 2003. *Metafora Melayu: Bagaimana Pemikir Melayu Mencipta Makna dan Membentuk Epistemologinya*. Bangi. Akademi Kajian Ketamadunan.
- Hassan Ahmad. 2017. *Metafora Melayu: Bagaimana Pemikir Melayu Mencipta Makna dan Membentuk Epistemologinya*. Edisi Kemaskini. Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Idunn Seland, Lihong Huang, Cecilia Arensmeier, Jens Bruun dan Jan Löffström. 2021. 'Aims of Citizenship Education Across Nordic Countries: Comparing School Principals Priorities in Citizenship Education 2009–2016'. *Northern Lights on Civic and Citizenship Education* 11: 43–63.
- Kamus Dewan Perdana*. 2020. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kofi Annan. 2004. *United Nations Convention Against Corruption*. United Nations. New York. <https://www.unodc.org/unodc/en/corruption/uncac.html>.
- Leila Shadabi. 2013. The Impact of Religion on Corruption. *The Journal of Business Inquiry* 12: 102–117. <https://silo.tips/download/the-impact-of-religion-on-corruption>.
- Matthew Murray dan Andrew Spalding. 2015. Freedom from Official Corruption as a Human Right. *Governance Studies at Brookings*. The Brookings Institution. Massachusetts: 1-15. https://www.brookings.edu/wp-content/uploads/2016/06/murray-and-spalding_v6.pdf.
- Melayu Islam Beraja Dalam Membanteras RASUAH*. 2017. Biro Mencegah Rasuah Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam: Universiti Brunei Darussalam.
- Mohd Faizal Musa. 2015. 'Pengantar Hak Asasi Manusia Moden dan hujah sangkalan ia bertentangan dengan Islam'. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 3(3), 79 – 94.
- Mohd Faizal Musa. 2016. 'Human Rights Lesson from selected Malay proverbs'. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.* 24 (1), 447 – 470.
- Mohd Nordin Ahmad. 1995. 'Masyarakat Melayu: Budaya Rasuah dan Penyelesaiannya'. Dlm. Mahadi Osman, Syed Nurul Akla Syed Abdullah dan Sa'adiah Hassan. *Masyarakat Melayu dan Gejala Sosial: Proses Penyelesaian Ke Arah Pembinaan Masyarakat Melayu Cemerlang Abad Ke-21*. InstitutPerkembangan Minda. Kuala Lumpur, 77-97.
- Navi Pillay. 2013, Mac 27. The Human Rights Case Against Corruption. Office of the High Commissioner: United Nations Human Rights. <https://www.ohchr.org/en/stories/2013/03/human-rights-case-against-corruption>

- Nor Hafuza & Hasmidar Hassan. 2018. Leksikal 'Hati' dalam simpulan bahasa: Analisis semantik inkuisitif. *International Young Scholars Journal of Language*. Volume 4(2), 155-170.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2014. *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Syarahan Perdana Jawatan Profesor. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2020. *Kecendekiaan Melayu melalui bahasa sastera dan budaya sumbangsih untuk Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim*. Kuala Lumpur. Penerbit Univerisiti Malaya.
- Portal Rasmi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. 2022. Apa itu Rasuah? https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=75&articleid=478. Html [4 April 2022].
- Scandinavian-Polish Chamber of Commerce. 2016. Transparency International: Nordic countries are the least corrupt in the world. Scandinavian-Polish Chamber of Commerce. <https://www.spcc.pl/en/node/17286>
- SPRM. 2017. *Bila Hadiah Menjadi Rasuah*. Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.
- Veena Babulala dan Faustina Hii. 2022, Januari 25. Malaysia Drops Five Spots to 62 in Ti-M's Corruption Index Rankings. New Straits Times. <https://www.nst.com.my/news/nation/2022/01/766007/malaysia-drops-five-spots-62-ti-ms-corruption-index-rankings>.
- W.G Shellabear. 1967. *Sejarah Melayu*. Oxford University Press. Kuala Lumpur.
- Za'ba. 1932/Edisi Ejaan Rumi Baharu, 2002. Diperkenalkan oleh Asmah Haji Omar. *Ilmu Pengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaid Zin & Wan Suhaila. 2017. Kajian persamaan makna peribahasa dan Melayu dan peribahasa Jepun. *Jurnal Bahasa dan Budaya Jepun*, 7:19- 33.